

25 MAY 2001

Tajol-Umno

TINDAKAN LEMBAGA DISIPLIN SATU AMARAN UNTUK AHLI UMNO

IPOH, 25 Mei (Bernama) -- Tindakan tegas yang diambil oleh Lembaga Disiplin Umno terhadap enam anggota parti yang terlibat dalam politik wang pada pemilihan Umno Bahagian baru-baru ini adalah satu amaran jelas kepada anggota parti supaya tidak lagi terlibat dengan politik wang.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, hukuman berat yang dikenakan menggambarkan betapa seriusnya kesalahan politik wang ini dan ia boleh memberi kesan buruk kepada parti dalam jangka panjang.

"Selepas ini anggota Umno sepatutnya tidak berani lagi terlibat dengan politik wang kerana akhirnya mereka sendiri yang akan rugi," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Duta Besar Finland, di sini, hari ini.

Tajol Rosli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri bagaimanapun menasihatkan anggota-anggota yang didapati bersalah kerana politik wang supaya bersabar kerana ini sebenarnya sebahagian daripada cabaran pada anggota-anggota parti.

"Diambil tindakan dan menerima aduan yang tidak baik adalah cabaran yang terpaksa diterima. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah dipecat keahlian dalam parti dan pernah kalah dalam pilihan raya tetapi kerana beliau tabah dengan cabaran yang ada beliau menjadi Perdana Menteri sekarang.

"Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah menjadi Naib Presiden parti tanpa sebarang jawatan dalam kerajaan tetapi sekarang beliau merupakan Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Buat masa ini enam ahli parti termasuk tiga dari Perak didapati bersalah kerana penggunaan politik wang pada pemilihan bahagian.

Mereka ialah Ketua Bahagian Baling, Datuk Zainol Md Isa; Ketua Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Nawawi, Ketua Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar, Ketua Penerangan Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin, calon Timbalan Ketua bahagian Bagan Serai, Zaki Din dan Ketua Penerangan Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah.

-- BERNAMA

KAY PR